

Gender dalam Sastera Melayu

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Peny.)

Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, 211 halaman, ISBN 978-967-412-102-0

Konsep gender mula digunakan untuk menjelaskan tentang satu konstruk sosial (*the social construction*) berkenaan ‘masculinity’ dan ‘femininity’ di antara lelaki dan perempuan. Gender merujuk kepada perbezaan sosial (*social differences*) dan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang dapat diamati dan dipelajari, dan ia berbeza di antara masyarakat dan budaya, serta adakalanya mengalami perubahan mengikut masa. Gender sering digunakan untuk membuat analisis terhadap peranan (*roles*), tanggungjawab (*responsibilities*), kekangan (*constraints*), serta keperluan (*needs*) bagi lelaki dan perempuan dalam semua perkara dan dalam sesuatu konteks sosial. Kajian berhubung gender dalam sastera di tanah air telah banyak dilakukan pada pelbagai peringkat kajian.

Kemunculan buku kajian berjudul *Gender dalam Sastera Melayu* (2013) yang disunting oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir dan diterbitkan oleh Penerbit UKM merupakan satu lagi hasil kajian terkini berhubung gender dalam sastera yang disajikan untuk manfaat pembaca, khususnya para pelajar, sarjana, peminat sastera dan pengkaji yang berminat dengan isu-isu gender di tanah air. Buku ini memuatkan lapan (8) buah makalah yang dimuatkan dalam sembilan bab (termasuk bab pengenalan) yang setiap satunya memuatkan makalah yang ditulis oleh penulis berlainan. Bab-bab tersebut terdiri daripada makalah yang meliputi pelbagai genre sastera tradisional dan sastera moden termasuk novel dan cerpen yang dihasilkan oleh penulis lelaki dan perempuan. Kesemua makalah dalam buku ini adalah menjurus kepada memperlihatkan maksud gender, hubungan gender, persoalan dan citra wanita dalam karya sastera kreatif. Setiap perbahasan tersebut mengarah kepada mauduk untuk membongkar dan memperlihatkan kekuatan serta kelemahan karya-karya sastera yang dikaji. Makalah-makalah tersebut terdiri daripada “Pengucapan Wanita dalam Dua Naratif Istana” oleh Ruzy Suliza Hashim, “Realiti dan Cerita Sebagai Kewajaran Gender yang Bejat: Novel *Melukut Kota* oleh Azizi Haji Abdullah Sebagai Kajian Kes” oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir, “Imej Wanita dalam Fiksyen Sains Melayu Kontemporari” oleh Shahizah Ismail Hamdan, “Peranan Gender dalam *Barisan Zubaidah @ Gerila Wanita* Karya Hamdan dan *Minah Joget Moden* karya Harun Aminurrashid” oleh Hanafi Ibrahim, “Persaudaraan Wanita dalam Kumpulan Cerpen Pelamin Embun oleh Aminah Mokhtar” oleh Mawar Safei, “Wanita Sebagai Objek Seks dan Pengungkapannya dalam Novel *Bila Hujan Malam* oleh Azizi Haji Abdullah” oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir, “Usahawan Wanita dalam Cereka Melayu” oleh Ruzy Suliza Hashim dan “Manifestasi Wanita dalam Novel *Cakra Waruga* karya Arena Wati Menurut Perspektif Islam” oleh Zulkarnain Mohamed.

Seperti yang dinyatakan pada bahagian prakata, fokus buku ini adalah bagi menelusuri dan membongkar teks-teks sastera yang memperlihatkan relasi gender, di

samping untuk menilai semula takrif dan konsep gender dalam sastera Melayu. Bagi tujuan merungkai teks, buku ini dimulai dengan makalah berjudul ‘‘Pengucapan Wanita dalam Dua Naratif Istana’’ oleh Ruzy Suliza Hashim. Makalah ini membincangkan dua buah teks sastera tradisional, iaitu *Hikayat Siak* dan *Tuhfat al-Nafis* dari perspektif pendekatan pertukaran sosial, yang melibatkan wanita sebagai objek pertukaran dan berperanan dalam politik istana. Melalui perdekatan tersebut, pengkaji menyelongkar peranan dan citra watak wanita, Tengku Tengah dari perspektif pengarang kedua-dua teks tersebut. Penemuan kajian ini menunjukkan pengarang *Hikayat Siak* mencitrakan Tengku Tengah sebagai seorang wanita pendendam dan sompong, tetapi memainkan dua peranan iaitu sebagai agen yang membabitkan proses pertukaran, dan sekaligus menjadi objek dalam pertukaran sosial. Manakala pengarang Bugis pula memperagakan Tengku Tengah sebagai wanita cekal yang terluka kerana keluarganya dihina, lantas mentransformasikan dirinya dari femininiti kepada maskuliniti dan kemudiannya kembali kepada femininiti. Pengarang Bugis juga dikatakan memuji sikap Tengku Tengah tetapi kemudiannya merasa malu dengan sifat maskuliniti yang dicerap Tengku Tengah sebagai protes terhadap tindakan Raja Kecik yang mengahwini adiknya, Tengku Kamariah. Walaupun kedua-dua pengarang didapati meremehkan perlakuan watak Tengku Tengah, tetapi melalui perspektif pertukaran sosial pentingnya peranan wanita dalam menstabilkan politik istana diperlihatkan. Makalah ini membuktikan bahawa wanita, iaitu Tengku Tengah berperanan dalam memperbaiki hubungan sosial, menegakkan status lelaki dan mengekalkan kuasa keluarganya. Meskipun pengarang seakan-akan menafikan peranan wanita, tetapi bacaan makalah oleh Ruzy Suliza Hashim ini berupaya membuktikan peranan wanita adalah penting dalam percaturan politik istana.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir melalui makalah ‘‘Realiti dan Cerita sebagai Kewajaran Hubungan Gender yang Bejat: Novel *Melukut Kota* oleh Azii Haji Abdullah Sebagai Kajian Kes’’ pula mengetengahkan teori Persuratan Baru yang bertunjang kepada hakikat insan, hakikat ilmu dan amal dan hakikat dan fungsi sastera yang dipertentangkan dengan Realisme Barat yang tidak percaya kepada kewujudan Ilahi, malah terhad kepada realiti fizikal dan kebenaran fizikal. Makalah ini menunjukkan bagaimana karya-karya sastera tanah air yang dianggap besar menjadikan realiti sebagai dasar pengembangan naratif, seperti yang diperlihatkan oleh novel *Tivi Shahnon Ahmad, Salina* oleh A. Samad Said, *Rontok* oleh Arena Wati dan sebagainya. Makalah ini menunjukkan bahawa fahaman realiti ala Barat yang menjadi anutan pengarang dan pengkritik itulah yang selama ini diterima dan diberi pengiktirafan oleh negara. Melalui nilai ini jugalah pengarang Azizi memaparkan realiti dan pengalaman dalam konteks penghasilan *Melukut Kota*, yang didedahkan pengkaji sebagai pemahaman realiti ala Barat. Makalah ini menunjukkan bahawa penghasilan novel *Melukut Kota* tidak mempunyai sebarang matlamat, selain memaparkan realiti kebobrokan masyarakat. Paksi naratif yang bertumpu kepada pergaulan dan hubungan lelaki-wanita sebagai manifestasi kebobrokan, watak kerdil, bahasa yang tidak santun, tiadanya pantauan moral, pemerian yang rinci dan persis, disertai dengan dominannya aktiviti fizikal - semua mengarah kepada realiti fizikal. Hakikat ini dilihat bertentangan dengan pendirian Persuratan Baru yang menegaskan bahawa kegiatan penulisan dalam konteks Islam adalah jelas untuk menyampaikan ilmu yang benar. Malahan, pemaparan realiti dalam cerita yang dikemukakan dalam novel Azizi ini dilihat sebagai formula usang yang melumpuhkan.

Bagi pengkaji, formula inilah yang dipakai oleh sebilangan besar pengarang tanah air termasuk para Sasterawan Negara, yang diperlihatkan melalui novel *Salina, Terdedah, Kuala Lumpur Kita Punya, Panrita* dan sebagainya. Makalah ini merumuskan petunjuk kepada hubungan gender, khususnya yang melibatkan kebejatan moral ternyata mendapat perhatian, perakuan dan justifikasi yang kuat dalam fahaman realisme Barat. Makalah ini ditutup dengan melontarkan persoalan besar untuk difikirkan oleh semua pihak, iaitu apakah wajar fahaman realisme Barat ini diteruskan, sedangkan kita telah mempunyai alternatif yang lebih baik dan murni.

Makalah “Imej Wanita dalam Novel Fiksyen Sains Melayu Kontemporari” oleh Shahizah Ismail @ Hamdan pula mengemukakan isu pengekalan peranan wanita yang streotaip dalam karya-karya fiksyen sains. Menerusi makalah ini, pengkaji meneliti empat buah novel fiksyen sains, iaitu *Virus L* (2008) oleh Suri Mawarne, *Urana Exham* (2008) dan *Urana Exham: Satu Eterniti* (2009) oleh Kusyi Hirdan dan *Kronikel Bumi* (2010) oleh Nurul Izwazi Mohd Nor. Melalui makalah ini, pengkaji berpendapat walaupun genre fiksyen sains menampilkan watak-watak asing seperti cyborg, android dan sebagainya, namun sifat-sifat wanita yang dihambarkan adalah kekal dengan identiti jantina tersebut. Wanita digambarkan masih memainkan peranan yang masih akur dengan imej tradisional dan konvensional dalam masyarakat. Kajian ini merumuskan bahawa novel-novel fiksyen sains di Malaysia masih memaparkan imej wanita yang tidak berubah, walaupun dalam wacana sosial genre fiksyen sains dianggap tiada sempadan.

Mohd. Hanafi Ibrahim dalam makalah “Peranan Gender dalam *Barisan Zubaidah* @ *Gerila Wanita* Karya Hamdam dan *Minah Joget Moden* Karya Harun Aminurrashid” berhasrat untuk mengkaji peranan gender dalam kedua-dua novel yang dikaji, berdasarkan aspek ruang domestik dan ruang publik, pembahagian peranan produksi dan reproduksi serta mobiliti sosial dalam kerangka Melayu-Islam. Pengkaji kemudiannya berpendapat bahawa *Barisan Zubaidah* yang dihasilkan pada tahun 1948 ialah antara novel feminism Melayu yang terawal. Maksud feminis tidak sama dengan konsep feminis Barat, sebaliknya lebih merujuk kepada ‘kesetaraan’ yang boleh ditemui juga dalam novel sebelum merdeka, *Minah Joget Moden* tulisan Harun Aminurrashid pada tahun 1949. Makalah ini menegasakan bahawa, watak wanita dalam kedua-dua novel yang dikaji telah beranjak daripada domain domestik kepada domain awam, namun pada masa yang sama wanita digambarkan tetap memelihara tatasusila dan ketertiban wanita Melayu-Islam. Makalah ini menegaskan bahawa, kedua-dua novel yang dikaji memperlihatkan transformasi peranan wanita dalam ruang lingkup sosial, sekali gus merumuskan bahawa Hamdam dan Harun Aminurrashid merupakan ‘feminis lelaki’ yang muncul pada zaman selepas perang dunia kedua. Dapatkan kajian yang dikemukakan ini menampilkan suatu pandangan baru dalam horizon kajian gender dalam sastera tanah air.

Seterusnya Mawar Safei mengemukakan kajian berjudul “Persaudaraan Wanita dalam Kumpulan Cerpen *Pelamin Embun* oleh Aminah Mokhtar” dengan objektif untuk menilai semula pemahaman hubungan gender, dan memperlihatkan bagaimana pengarang bertindak ‘memanfaatkan’ dan ‘memberi keselamatan’ kepada semua pihak. Dengan memberi perhatian khusus kepada karya *Pelamin Embun*, pengkaji mendedahkan bagaimana pengarang cerpen ini menyelongkar siratan kehidupan para jururawat yang berdepan dengan pesakit perempuan khususnya remaja yang melahirkan anak di luar nikah. Melalui karya yang dikaji ini, pengarang didapati menampilkan watak ‘dewi

penyelamat' berupa jururawat yang memberi pertolongan dan perlindungan kepada para remaja bermasalah. Pengarang dikatakan menerapkan semangat *sisterhood* ke dalam karyanya. Hal tersebut dilakukan dengan mewujudkan watak 'kakak' yang menjadi tempat berlindung remaja perempuan bersama bayinya, menjadi penyelamat dan memberikan masa depan yang cerah kepada remaja bermasalah. Pada masa yang sama pengarang dikatakan mengkritik sikap doktor lelaki yang kurang prihatin terhadap soal kemausiaan dengan mengambil mudah nyawa dan nasib pesakit demi tujuan penyelidikan mereka. Melalui makalah ini juga, pengkaji memperlihatkan keupayaan Aminah Mokhtar dalam menampilkan kelancaran kreativiti dengan merombak citra wanita dengan gaya tersendiri. Namun, pada masa yang sama pengarang dikatakan tidak menolak kehadiran lelaki dalam hidup wanita, sebaliknya membataskan peranan mereka bagi menonjolkan kemandirian dan peranan wanita.

Makalah kedua oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam buku ini berjudul "Wanita Sebagai Objek Seks: Persepsi Pengungkapannya dalam Novel *Bila Hujan Malam* oleh Azizi Haji Abdullah". Sebagai 'penganut tegar' Gagasan Persuratan Baru, makalah ini sekali lagi menggunakan gagasan tersebut sebagai pendekatan untuk menilai novel Azizi Haji Abdullah seperti makalah pertama dalam buku ini (halaman 35-63) yang bertajuk "Realiti dan Cerita sebagai Kewajaran Hubungan Gender yang Bejat: Novel *Melukut Kota* oleh Azizi Haji Abdullah Sebagai Kajian Kes". Perbezaan makalah ini dengan makalah pertama sebelumnya adalah terletak pada teks dan subjek yang dipilih untuk dikaji. Melalui makalah ini, pengkaji memperkenalkan dan mengetengahkan teori Persuratan Baru yang bertunjang kepada hakikat insan, hakikat ilmu dan amal dan hakikat dan fungsi sastera yang dipertentangkan dengan Realisme Barat. Objektif yang dinyatakan bagi kajian ini ialah untuk melihat persepsi pengarang Azizi Haji Abdullah terhadap wanita, dan cara pengungkapan tersebut dalam karyanya. Untuk memenuhi objektif tersebut, pengkaji menilai dan menunjukkan bahawa novel *Bila Hujan Malam* hanya sebuah cerita yang mengisahkan apabila setiap kali hujan turun pada waktu malam, wanita bernama Hayati akan diperkosa oleh bapa angkatnya, Tengku Yunus. Dengan menampilkan satu-satunya watak wanita dalam novel ini, pengarang dikatakan menyerlahkan persepsi beliau terhadap wanita sebagai objek seks. Melalui kajian ini, Ungku Maimunah membentangkan dapatan penelitiannya untuk mendedahkan persepsi pengarang yang meletakkan wanita adalah semata-mata objek seks. Menurut pengkaji, persepsi tersebut didedahkan pengkaji melalui empat aspek pengisahan dalam naratif ini. Aspek pertama ialah melalui pemerian wanita sebagai objek seks menjurus kepada penggembelangan teknik asal mula yang tidak dijelaskan (*unexplained antecedent*), iaitu cara bercerita yang menyimpan maklumat daripada pembaca pada peringkat awal cerita. Teknik ini dimanfaatkan pengarang untuk matlamat merealisasi persepsi wanita ialah objek seks. Kedua, berdasarkan pemerian wanita sebagai objek seks melibatkan penggunaan pil atau ubat/coklat perangsang atau pelali untuk tujuan perkosaan atau senggama. Aspek penceritaan ketiga dalam pemerian wanita sebagai objek seks dapat dilihat pada konteks berlakunya perkosaan dan senggama. Teknik keempat diperlihatkan pada klimaks cerita, khususnya tindakan yang mengakhiri novel ini apabila watak wanita membunuh diri yang membayangkan ikhtiar (*agency*) diambil secara salah. Pada akhirnya, makalah ini merumuskan bahawa novel *Bila Hujan Malam* adalah sekadar sebuah karya yang mempar kedurjanaan hartawan yang bernafsu serakah. Ia tidak

menganjurkan pembaca untuk berfikir bagaimana menyelesaikan persoalan tersebut. Sekali gus meletakkannya sebagai karya picisan.

Seterusnya dalam buku ini memuatkan tulisan kedua Ruzy Suliza Hashim dengan judul “Usahawan Wanita dalam Cereka Melayu” yang menerokai citra usahawan Melayu dalam dua buah novel pilihan, iaitu *Aroma Hati* (2007) oleh Zahura Zakry dan *Mencari Teduh di Kuala* (2007) oleh Siti Aminah Haji Yusof. Pada peringkat awal makalah ini, pengkaji menampilkkan statistik penglibatan kaum wanita dalam bidang ekonomi dan mendeskripsikan konsep usahawan serta ciri-ciri usahawan wanita yang berjaya. Berdasarkan ciri-ciri tersebut, Ruzy Suliza Hashim memugar kedua-dua novel pilihannya dalam percubaan untuk mengenal pasti sejauhmana penglibatan wanita dalam bidang usahawan, dan pada tahap kategori mana mereka berada, sama ada ‘usahawan kebetulan’ (*chance*), ‘usahawan terpaksa’ (*forced*) atau ‘usahawan tercipta’ (*created*). Bagaimanapun, berdasarkan perbincangan makalah ini, pengkaji tidak menjelaskan tentang tahap-tahap tersebut, sebaliknya memperlihatkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam membangun dan memajukan perniagaan masing-masing. Akhirnya makalah ini merumuskan bahawa berdasarkan kajian terhadap kedua-dua novel pilihan, disarankan dua cara untuk mengatasi semua cabaran, iaitu pertama dengar nasihat suami serta jangan terlalu ghairah dengan kekayaan dunia, dan kedua sentiasalah berdoa kepada Tuhan.

Makalah terakhir dalam buku ini berjudul “Manifestasi Wanita dalam Novel Cakra Waruga Karya Arena Wati Menurut Perspektif Islami” oleh Zulkarnain Mohamed, yang membincangkan manifestasi wanita dan kewanitaan dalam novel tersebut. Bagi membincangkan topik tersebut, makalah ini memilih kerangka analisis syariat dan akhlak Islamiah. Syariat Islamiah ialah berdasarkan hukum seperti harus dan haram melalui sumber perundangan Islam yang utama, iaitu al-Qur'an dan hadith. Manakala akhlak Islamiah pula ialah kesopanan tanpa melihat kepada aspek hukum yang disentuh dalam syariat islamiah. Menerusi makalah ini, perbincangan ditumpukan kepada tiga aspek utama, iaitu gambaran eksplisit tentang obsesi seks, kedua, konflik mesej seksual, intelektual dan peringatan agama dan ketiga ialah obsesi seks dan *zann* (sangkaan atau akhlak hati) terhadap Allah SWT.

Berdasarkan penelitiannya, pengkaji merumuskan bahawa gambaran eksplisit obsesi seks yang dipaparkan melalui pemikiran watak-watak utama merupakan antara fokus pengarang, sekali gus meletakkan watak pada tahap yang sempit atau kehaiwanan. Obsesi tersebut ditayangkan secara jelas tanpa berselindung. Seterusnya terdapat juga gambaran konflik mesej seksual yang mendominasi ruang naratif dengan mesej intelektual dan peringatan keagamaan yang turut diketengahkan dalam novel kajian. Terakhir, dapatan kajian ini menyebut bahawa obsesi seks seringkali dapat menewaskan akhlak hati terhadap Allah SWT. Makalah ini merumuskan bahawa pengarang Arena Wati telah menerapkan visinya tentang nilai Timur dan Islam dalam karyanya, namun tidak mengejakannya dengan menjadikannya persoalan asasi. Dengan perkataan lain, obsesi seks mengatasi aspek-aspek lain, khususnya syariat dan akhlak Islamiah.

Berdasarkan pembacaan terhadap kesemua makalah yang dibukukan dalam *Gender dan Sastera Melayu* ini dapatlah dirumuskan bahawa bahan bacaan ini berhasil membuka luas horizon wacana gender dalam sastera Melayu yang masih kekurangan bahan kajian. Bermula dengan “Pengucapan Wanita dalam Dua Naratif Istana” oleh

Ruzy Suliza Hashim yang menerokai dua buah teks sastera tradisional, wacana gender dilanjutkan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir yang membahaskan “Realiti dan Cerita sebagai Kewajaran Hubungan Gender yang Bejat: Novel *Melukut Kota* oleh Azii Haji Abdullah Sebagai Kajian Kes” yang mengetengahkan pertentangan antara teori Persuratan Baru dengan Realisme Barat, serta menunjukkan karya-karya sastera tanah air yang dianggap besar telah menjadikan realiti sebagai dasar pengembangan naratif. Perbincangan seterusnya didapati lebih menarik dalam “Imej Wanita dalam Novel Fiksyen Sains Melayu Kontemporari” oleh Shahizah Ismail @ Hamdan yang mengkaji karya fiksyen sains dan merumuskan bahawa walaupun genre fiksyen sains menampilkan watak-watak asing seperti cyborg, android dan sebagainya, namun sifat-sifat wanita yang dihambarkan adalah kekal dengan identiti jantina tersebut. Kerencaman genre dan zaman penghasilannya semakin ketara dengan makalah Mohd. Hanafi Ibrahim “Peranan Gender dalam Barisan Zubaidah @ Gerila Wanita Karya Hamdam dan Minah Joget Moden Karya Harun Aminurrashid” yang mengkaji peranan gender dalam novel awal oleh pengarang lelaki, bukannya pengarang wanita, serta merumuskan bahawa sejak itu telah wujud pembahagian peranan produksi dan reproduksi serta mobiliti sosial dalam kerangka Melayu-Islam. Keluasan korpus perbahasan ditambah dengan makalah Mawar Safei “Persaudaraan Wanita dalam Kumpulan Cerpen *Pelamin Embun* oleh Aminah Mokhtar” yang menilai semula pemahaman hubungan gender, dan memperlihatkan bagaimana pengarang bertindak ‘memanfaatkan’ dan ‘memberi keselamatan’ kepada semua pihak berdasarkan karya *Pelamin Embun* oleh Aminah Mokhtar.

Perbahasan lebih lanjut tentang gagasan Persuratan Baru dan pengaplikasiannya diteruskan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir dalam “Wanita Sebagai Objek Seks: Persepsi Pengungkapannya dalam Novel *Bila Hujan Malam* oleh Azizi Haji Abdullah”. Ruang perbincangan gender dalam sastera diperluaskan oleh makalah kedua Ruzy Suliza Hashim “Usahawan Wanita dalam Cereka Melayu” yang menerokai citra usahawan Melayu dalam dua buah novel pilihan, dan ditutup oleh makalah terakhir berjudul “Manifestasi Wanita dalam Novel Cakra Waruga Karya Arena Wati Menurut Perspektif Islami” oleh Zulkarnain Mohamed, yang membincangkan manifestasi wanita dan kewanitaan dalam novel tersebut. Bagi membincangkan topik tersebut, makalah ini memilih kerangka analisis syariat dan akhlak Islamiah.

Semua perbahasan yang dikemukakan di atas menawarkan suatu kaedah pentakrifan gender dan hubungannya dalam sastera Melayu. Jelas ia merupakan tambahan kepada korpus yang sedia ada seperti yang pernah dilakukan oleh Rosnah Baharuddin (1995) berjudul *Wanita Dalam Novel A. Samad Said*, dengan memberi perhatian khusus kepada aspek perubahan kedudukan dan peranan wanita dalam tahap-tahap sebelum perang, semasa perang, selepas perang dan selepas merdeka. Pengkaji menggunakan pendekatan feminism dalam konteks budaya dan menghubungkannya dengan perubahan kedudukan wanita dalam masyarakat. Kajian Yulduz Emiloglu pula berjudul “Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan di Antara Karya Penulis Wanita Melayu Dengan Karya Penulis Wanita Mahua (1957-1982)” memberikan tumpuan khusus kepada karya-karya berupa cerpen dan novel yang dihasilkan oleh beberapa pengarang wanita Melayu dan Mahua di Malaysia. Manakala Siti Hajar Che Man (1998) pula menulis kajian berjudul "Feminisme Dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis Kaedah Bacaan Showalter" yang memberi maklumat tentang kemunculan teori feminis,

kepentingannya dalam dunia kritikan sastera dan aplikasinya ke atas teks-teks tempatan bermula dari zaman tradisional hingga kepada teks-teks moden. Sementara Virginia Matheson Hooker dalam kajian berjudul *Writing a New Society: Social Change Through the Novel in Malay* (2002) turut membincangkan beberapa novel oleh pengarang wanita. Christine Campbell dalam *Contrary Visions Women and Work in Malay Novel Written by Women* (2004) pula membicarakan tentang imej wanita yang dipaparkan oleh novelis lelaki pada tahun 1960. Kajian Membunga @ Siti Meriam Yaacob (2004) berjudul “Tanggapan Terhadap Wanita Dalam Karya Hamzah dan Keris Mas” memberi tumpuan pada usaha untuk mendedahkan tanggapan pengarang lelaki terhadap wanita yang dikesan melalui penulisan cerpen-cerpen mereka. Sementara Norhayati Ab. Rahman mengkaji aspek *Puitika Sastera Wanita dalam Novel-novel Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik* (2006) dengan mengenal pasti dan memperlihatkan proses pembentukan puitika dalam penulisan novel dalam kalangan pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia menggunakan kaedah teori ginokritik yang diperkenalkan oleh Elaine Showalter. Siti Khariah Mohd Zubir pula membuat kajian berjudul *Citra Wanita dalam Novel Melayu* (2008) yang membincangkan sejarah penulisan novel wanita Melayu dari perspektif feminis. Ruzy Suliza Hashim juga telah melakukan kajian berjudul *Out of the Shadow: Women in Malay Court Narratives* (2003) dengan membahaskan pemaparan imej wanita yang terdiri daripada tokoh-tokoh wanita dalam karya sastera Melayu tradisional.

Jelas dunia sastera Melayu mempunyai korpus bahan tentang sastera dan gender yang memadai. Khusus bagi buku *Gender dalam Sastera Melayu*, hujah dan penemuan yang ditawarkan tentulah dapat membantu para pelajar dan pengkaji dengan idea-idea yang konkrit dan relevan bagi kajian gender dan sastera. Sekali gus buku ini akan menjadi bahan bacaan yang amat baik dan bermanfaat, yang berupaya meluaskan ufuk pemikiran dan skop kajian yang berhubung dengan bidang gender dalam sastera Melayu.

Norhayati Ab. Rahman
 Jabatan Kesusteraan Melayu
 Akademi Pengajian Melayu
 Universiti Malaya
 Kuala Lumpur
 yati@um.edu.my